



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 OKTOBER 2024 (ISNIN)

Rabies Ragut Enam Nyawa di Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	6	21 Okt

Rabies ragut enam nyawa di Sarawak

Langkawi: Wabak rabies atau penyakit anjing gila meragut enam nyawa yang direkodkan di Sarawak tahun ini sekali gus mencetuskan kebimbangan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid berkata, justeru, pemilik anjing peliharaan harus memastikan haiwan itu mendapat suntikan anti-rabies.

"Bermula kes pertama rabies dilaporkan di Sarawak pada Julai 2017 hingga hari ini, 81 kes jangkitan dalam kalangan manusia dengan 74 kematian direkodkan di negeri itu.

"Namun, di Kedah kes rabies terakhir berlaku pada 2018 di daerah Kubang Pasu, bagaimanapun kes itu dikawal dengan baik," katanya dalam uca-

pan aluan pada Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan & *World Rabies Day* Peringkat Negeri Kedah di Pusat Beli Belah Langkawi Fair di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani.

Sementara itu, Dzowahir dalam ucapannya berkata,

kerajaan negeri terus komited dan sentiasa mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu penularan wabak rabies di negeri ini.

"Langkawi yang kedudukannya hampir dengan negara jiran dikenal pasti sebagai daerah berisiko tinggi kerana negara itu (Thailand)) masih merekodkan kes positif rabies," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR